

Headline	UBM sasar 15,000 peserta ASEAN M&E 2016		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 May 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	196 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,318		



UBM sasar 15,000 peserta ASEAN M&E 2016

KUALA LUMPUR - UBM Malaysia (UBM), penganjur pameran perdagangan yakin mampu menarik minat lebih 15,000 pedagang profesional, pembuat keputusan, pembeli berpotensi dan rakan kerjasama daripada 50 buah negara untuk menghadiri pameran ASEAN M&E 2016 kali ini.

Acara kejuruteraan elektrik dan mekanikal tersebut dianjurkan selama tiga hari bermula semalam di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini.

Pengerusi Bersama UBM, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed berkata, pameran itu turut melibatkan lebih 380 syarikat pempamer antarabangsa dari 33 buah negara termasuk China, Jerman, Singapura, Korea Selatan, Taiwan dan Thailand.

"Ia merangkumi tiga acara pengindustrian dan kejuruteraan iaitu Ekspo dan Forum Penyejukan, Penyaman Udara dan Pengalihudaraan Asia Tenggara, Pameran Kuasa Utama dan Industri Elektrik serta Green Energy Asia iaitu persidangan dan pameran tenaga hijau.

"Malah, ASEAN M&E 2016 juga akan menonjolkan kepelbagaian inovasi terkini yang dibangunkan oleh peneraju industri seperti jenama terkenal Acon, Midea, Panasonic, Bitzer, Daikin, York, Hitachi, Hyundai Heavy Industries dan Smartech," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran edisi keenam ASEAN M&E 2016 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Rashid Shirlin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid.

Menurut Mohd. Azumi, sebanyak 50 sesi persidangan dan simposium teknologi akan diadakan pada pameran tersebut, yang mana ia melibatkan lebih 30 pakar terdiri daripada penggiat industri tempatan dan antarabangsa.

"Mereka akan membentangkan pelbagai perkara berkaitan kaedah pelaksanaan terbaik terhadap bidang kuasa dan elektrikal, teknologi hijau, kuasa boleh diperbaharui serta pemanasan, pengudaraan, penyaman udara dan penyejukan.

"Selain itu, Tenaga Nasional Bhd. juga akan mengendalikankan seminar selama dua hari bagi membincangkan topik berkaitan industri ini," ujarnya.



MOHD. AZUMI (tengah) menyaksikan penyempurnaan pelancaran ASEAN M&E 2016 oleh Rosnah di Kuala Lumpur semalam.